

Praktis 1

Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini *salah penggunaannya*. Tulis *perkataan yang betul* dalam ruang yang disediakan. KLON UPSR 2017

- (i) Zalilah mewariskan bakat ayahnya sebagai ketua persatuan penduduk apabila dia dilantik menjadi ketua kelas.

- (ii) Penubuhan Kelab Kebudayaan di sekolah itu dapat mengerat hubungan antara peserta yang berbilang bangsa.

- (iii) Semangat kekitaan jelas pelihatan melalui pelbagai aktiviti semasa sambutan Hari Kemerdekaan di setiap negeri.

- (iv) Program kemasyarakatan di kawasan kediaman akan kelahiran rakyat yang dapat menjiwai erti perpaduan.

Praktis 2

Tulis **BETUL** atau **SALAH** pada ruang yang disediakan bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini. KLON UPSR 2019

- (i) Cikgu Jamaliah menampal gambar rajah tentang aktiviti jalinan perpaduan pada papan putih.
- (ii) Encik Rahim, Encik Lingam, dan Puan Ivy berjaya membuka sebuah pasaraya yang dinamakan Pasar Muhibah.
- (iii) Para peserta yang terdiri daripada pelbagai bangsa telah menurunkan tandatangan untuk membuktikan taat setia kepada ketua mereka.
- (iv) Ramesh membawa watak hulu balang dalam persembahan teater silang budaya di SK Marian Convent.

Praktis 3

Pilih perkataan paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini. KLON UPSR 2018

berselerak telapak gementar cemerlang serabut

- (i) Auni tidak _____ ketika menyampaikan syarahan sempena Karnival Perpaduan di sekolahnya.
- (ii) Fikiran kita tidak akan _____ jika kita tinggal di kawasan kejiranan yang aman.
- (iii) Kami memastikan _____ tangan kami benar-benar bersih sebelum bersalaman dengan jiran tetangga.
- (iv) Mereka mengemaskan alatan yang _____ selepas menyiapkan mural Rukun Negara.
- (v) Tuan guru besar memuji kesungguhan mereka yang menyiapkan mural Rukun Negara dengan _____ nya.